


Persediaan di Rumah Sehari Sebelum Menjalani Prosedur **Kolonoskopi**



Anda perlu memastikan usus benar-benar bersih sebelum menjalani prosedur kolonoskopi bagi membolehkan doktor melihat dengan lebih jelas untuk mengesan sebarang ketumbuhan atau polip. Usus yang bersih dapat membantu doktor membuat diagnosis yang lebih tepat serta mengelakkan keperluan untuk mengulangi prosedur.

5 TIPS PERSEDIAAN DI RUMAH

1) Kawal Pemakanan

Kawal pemakanan anda seawal 2 hari sebelum menjalani prosedur kolonoskopi. Ambil makanan yang rendah serat dan banyakkkan minum air kosong seperti yang disarankan sebagai sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam.

Menu yang disarankan:		Menu yang perlu dijaui:
-Bubur kosong	-Teh O	-Makanan yang mengandungi produk tenusu
-Roti putih	-Kopi O	-Buah-buahan dan sayur-sayuran
-Ikan masak stim	-Sup	-Daging merah
-Ayam tanpa kulit		-Kekacang dan bijian
-Telur		-Bijirin penuh / oat
-Air kosong		-Kopi dengan susu

2) Ambil Minuman Isotonik Fortrans Seperti Yang Disarankan Oleh Doktor Anda



Cara Membancuh Fortrans

1 liter minuman isotonik Fortrans =  1 paket Fortrans +  1 liter air

Cara Minum Fortrans

- Tuangkan 1 liter minuman isotonik Fortrans kepada 4 gelas (250ml dalam setiap satu gelas).
- Minum 1 gelas setiap 15 minit
- Habiskan 4 gelas dalam masa 1 jam

DOS WAKTU SARANAN

Dos Pertama	☐ 6:00 ptg ☐ 8:00 mlm ☐ Lain-lain: _____	• Minum 1 liter minuman isotonik Fortrans dalam masa 1 jam • Hanya minum air kosong sahaja selepas mengambil Fortrans
Dos Kedua	☐ 8:00 mlm ☐ 10:00 mlm ☐ Lain-lain: _____	• Minum 1 liter minuman isotonik Fortrans dalam masa 1 jam • Hanya minum air kosong sahaja selepas mengambil Fortrans

HARI PROSEDUR Tarikh: _____

DOS	WAKTU	CARA PENGAMBILAN
Dos Ketiga	☐ 6:00 pg ☐ 9:00 pg ☐ Lain-lain: _____	• Minum 1 liter minuman isotonik Fortrans dalam masa 1 jam • Hanya minum air kosong sahaja selepas mengambil Fortrans • Prosedur kolonoskopi akan dijalankan apabila najis anda berwarna jernih

- 3) **Pastikan Anda Habiskan Kesemua 3 Liter Minuman Isotonik Fortrans**
Kesemua 3 liter minuman isotonik Fortrans perlu habis diminum untuk memastikan usus anda betul-betul bersih sebelum menjalani prosedur kolonoskopi.



a) Tambah Perisa

Titiskan sedikit jus limau/lemon tanpa pulpa atau campurkan sedikit air 100 plus ke dalam minuman isotonik Fortrans untuk menambah rasa.

b) Sejukkan Minuman Isotonik Fortrans

Larutkan serbuk Fortrans dengan air sejuk atau sejukkan minuman isotonik Fortrans dalam peti sejuk sebelum diminum.

c) Bahagikan Minuman Isotonik Fortrans kepada 4 Gelas

- Bahagikan 1 liter minuman isotonik Fortrans kepada 4 gelas (setiap gelas 250ml).
- Habiskan 1 gelas minuman setiap 15 minit.
- Habiskan kesemua 4 gelas dalam masa 1 jam bagi setiap tempoh dos pengambilan.

4) **Banyakkan Minum Air Kosong**

Pastikan anda banyak minum air kosong sehingga najis anda bertukar kepada warna jernih kekuningan seperti air kencing. Ini tanda usus anda sudah bersedia untuk menjalani prosedur kolonoskopi.


Fahami Petanda Usus Anda Sudah Bersedia

Keadaan usus yang tidak dapat dilihat dengan jelas semasa prosedur kolonoskopi boleh menyebabkan pemeriksaan menjadi tidak lengkap. Ini juga boleh menyebabkan anda berkemungkinan untuk menjalani prosedur kolonoskopi semula, mengambil masa yang lebih lama atau terdapat kemungkinan untuk prosedur kolonoskopi terpaksa dihentikan.



5) Minum Air Secukupnya dan Sentiasa Berdekatan Dengan Tandas

- Pastikan anda minum banyak air kosong semasa proses persediaan supaya usus anda betul-betul bersih untuk pemeriksaan.
- Pastikan anda berada berdekatan dengan tandas sehingga kesan minuman isotonik Fortrans berkurangan/berhenti. Anda akan mula merasa kekerapan untuk membuang air besar 1-2 jam selepas anda minum minuman isotonik Fortrans.



Sunmed Velocity Sdn Bhd

Pusat Perubatan Sunway Velocity, Lingkaran SV, Sunway Velocity,
55100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Hubungi Kami

Talian Perkhidmatan Pelanggan



+603-9772 9191



+6019-320 2291

Talian Kecemasan



+603-9772 9111

Jabatan Endoskopi



+603-9772 8283 (Waktu operasi: 8:30am- 5:00pm)



www.sunwaymedicalvelocity.com.my



Sunway Medical Centre Velocity